

PKR: Pemansuhan SBPA bukti kegagalan kerajaan
The Malaysian Insider
08 Mac , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 8 Mac — PKR hari ini menyambut baik pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak atas pemansuhan Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA), namun mendakwa tindakan itu menunjukkan kegagalan kerajaan mengambil kira pendapat golongan yang terkesan sebelum merangka dan mengumumkan dasar-dasar sedemikian.

PKR turut mendakwa kerajaan Umno-Barisan Nasional (BN) jelas dilihat terus mempamerkan sikap sambil lewa terhadap keperluan membasmi jurang pendapatan yang menekan penjawat awam yang di tangga yang paling rendah, iaitu di antara gred 1 hingga 54.

Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar menjelaskan, setelah didesak beberapa kali, barulah kerajaan mengambil tindakan dengan memansuhkan skim berkenaan yang mendapat kritikan ramai ekoran perbezaan ketara antara kakitangan atasan kerajaan dan penjawat awam bawahan.

"Kegagalan Kerajaan Umno-BN untuk prihatin akan kewujudan jurang pendapatan yang menekan penjawat awam yang di tangga yang paling rendah, iaitu di antara gred 1 hingga 54, benar-benar mempamerkan sikap sambil lewa dan elitis pemerintah. Ini berlaku di persekitaran di mana jurang pendapatan antara gaji terendah dan tertinggi yang pada waktu ini dianggarkan pada 19.5 kali.

"Hanya setelah didesak menerusi kritikan yang dibawa oleh Pakatan Rakyat (PR) berserta wakil-wakil pekerja CUEPACS barulah tindakan seraya 'sudah terhantuk baru terngadah' diambil oleh Perdana Menteri hari ini," katanya dalam satu kenyataan.

Najib dalam pertemuan dengan penjawat awam di Putrajaya hari ini mengumumkan kerajaan akan memansuhkan pelaksanaan SBPA, manakala Sistem Saraan Malaysia (SSM) akan diperkemas supaya kakitangan kerajaan akan menikmati kadar kenaikan gaji yang lebih munasabah.

Tambah naib presiden PKR ini lagi, kerajaan seharusnya mengamalkan prinsip yang menunjukkan keprihatinan terhadap golongan penjawat awam di peringkat bawahan dan memberikan mereka kadar kenaikan gaji sekurang-kurangnya RM1,100 seperti mana cadangan Pakatan Rakyat dalam Belanjawan PR 2012.

"Kenaikan gaji bagi golongan penjawat awam gred terendah haruslah membolehkan mereka menerima gaji 'sara hidup', dengan jumlah sekurang-kurangnya RM1,100 seperti yang dicadangkan di dalam Belanjawan Pakatan Rakyat 2012.

"SSM harus mengambil kira prinsip merapatkan jurang dan mengutamakan majoriti, tetapi dengan kenaikan atau apa yang sepatutnya dipanggil penyelarasan gaji minima perkhidmatan awam, harus bersifat komprehensif termasuk perancangan peningkatan produktiviti yang melibatkan perbincangan dengan semua pihak secara terbuka dan bukan secara tertutup dan kemudian diumumkan secara serang hendap seperti sebelumnya," tambah Nurul Izzah.

Menurutnya lagi, "SSM harus mengambil kira beberapa prinsip penilaian prestasi dan piawaian perkhidmatan termasuk usaha mengurangkan pembaziran, ketirisan dan amalan rasuah wang rakyat dengan menggalakkan penggunaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat serta pemberian saguhati di atas laporan salah laku kewangan di dalam kerajaan dan perlu disemak secara interim setiap lima tahun, dan semakan utama setiap sepuluh tahun, dengan semakan harus melibatkan semua pihak berkepentingan di dalam siri perbincangan dan keahlian jawatankuasa kecil dan teknikal semakan skim saraan."

Najib turut memberitahu penjawat awam ketika pertemuan bersama mereka di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) hari ini bahawa Ketua Setiausaha Negara hanya akan menerima kenaikan gaji sebanyak tujuh peratus, berbanding sistem SBPA yang menyaksikan pendapatan ketua penjawat awam itu mencecah RM60,000 sebulan.

Kadar bayaran terhadap KSU itu telah menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pekerja gred bawahan yang hanya diberi kenaikan serendah RM1.70, dan menerima bantahan daripada 1.4 juta kakitangan awam yang merupakan "lubuk undi" untuk Barisan Nasional (BN), memandangkan pilihan raya umum mungkin akan diadakan dalam masa terdekat.

Perdana Menteri turut mengumumkan bahawa kenaikan untuk Kumpulan Pengurusan dan Professional, dari Gred 1 hingga 54 adalah terhad kepada 13 peratus sahaja.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-pemansuhan-sbpa-bukti-ke-gagalan-kerajaan/>